

LATIHAN 1: Menyatakan contoh perbuatan rasuah – TP 1

Padankan kesalahan utama berikut dengan contoh perbuatan rasuah yang betul.

Meminta dan menerima rasuah

- Seorang pembekal menghantar 70 buah komputer ke sebuah sekolah, tetapi meminta bayaran bagi 100 buah komputer.

Menawarkan dan memberikan rasuah

- Suhail membelikan makanan setiap hari kepada Hok Chan bagi mengelakkan Hok Chan melaporkan perbuatannya meniru dalam peperiksaan kepada guru disiplin.

Menyalahgunakan kedudukan

- Mogan meminta wang suapan daripada seorang kontraktor jika dia mahu syarikatnya terpilih bagi melaksanakan projek pembinaan rumah kedai.

Mengemukakan tuntutan palsu

- Seorang pengarah sebuah syarikat memberikan jawatan pengurus kepada anak rakannya tanpa melihat dan mempertimbangkan senarai calon yang telah memohon.

- Ramesh mengemukakan resit palsu untuk membuat tuntutan yang melebihi jumlah sepatutnya kepada syarikatnya.

- Seorang pengusaha gerai makanan menawarkan makanan percuma kepada seorang pelanggannya agar dia tidak melaporkan kepada pihak polis tentang tindakannya berkisar dengan seorang pelanggan yang lain.